

Pencapaian Langkawati Geopark membanggakan

BH
13/8/2015
m/s 32

Penilaian UNESCO demi pastikan pembangunan, hala tuju pada landasan betul

Pakar Antarabangsa Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO), Pablo Rivas Palomo dari Sepanyol dan Pasquale Li Puma dari Itali, baru sahaja selesai menjalankan misi penilaian semula Langkawati Global Geopark. Penilaian ini penting bagi memastikan Langkawati kekal sebagai ahli Jaringan Geopark Global (GGN) untuk empat tahun akan datang. Penilaian semula pertama me-



Palomo dan Li Puma (kanan) bergambar di hadapan papan kenyataan Langkawati Geopark.





**PROF EMERITUS
DR IBRAHIM KOMOO**

...rang. Penilaian semula pertama me-
nyaksikan Langkawi Geopark dibe-
nyakan 'kad hijau' pada tahun 2011.

Pada masa ini, dunia mempunyai 111 warga Jaringan Geopark Global mewakili 32 negara. Eropah dan China memiliki geopark global terban-
anyak, Malaysia hanya memiliki se-
buah geopark global iaitu Langkawi
yang dinobatkan pada tahun 2007.
Bagi mereka yang belum mengenali
gagasan ini, geopark ialah kawasan
memiliki warisan geologi bertaraf an-
tarabangsa yang sedang dibangun-
kan berasaskan konsep 'pembangun-
an lestari.'

Pembangunan memberikan tumpuan kepada usaha pemuliharaan warisan, menjayakan aktiviti pelan-
congan dan pendidikan awam, serta meningkatkan sosioekonomi komu-
niti tempatan.

Pada hari pertama, penilai dibawa ke Kilim Geoforest Park iaitu kawa-
san pemuliharaan yang menggabu-
ngkan warisan tanah bencah dan
landskap batu kapur Kars. Di sini,
mereka didedahkan kepada pengu-

rusan geopelancongan oleh koperasi
nelayan tempatan. Usaha membawa
bersama komuniti untuk menjana
ekonomi melalui pelancongan ilmu
adalah asas penting membangun se-
buah geopark yang mantap.

Pemandangan indah Gunung Machinchang

Petangnya pula, mereka dibawa me-
lawat ke Machinchang Geoforest
Park. Pergunungan Machinchang
adalah kawasan pemandangan in-
dah yang mempersonakan. Lebih da-
ripada itu, batu pasir pembentuk
pergunungan ini berusia 550 juta
tahun lampau mewakili batuan ter-
tua di Malaysia.

Pada tahun 2014, Gunung Machin-
chang pertama kali menerima pe-
ngunjung mencecah satu juta pe-
lancong - terbanyak untuk suatu geo-
tapak. Langkawi Geopark perlu
mengambil kesempatan menyedia-
kan prasarana pendidikan awam di
sini bagi menjayakan wawasan mur-
ni pembangunan lestari.

**“
Saya perhatikan,
banyak inisiatif
baharu
diperkenalkan
untuk
pendidikan
awam dan
keselesaan
pengunjung.
Perkembangan
positif beginilah
yang ingin dilihat
oleh penilai”**

Pada hari
berikutnya,
Palomo dan
Li Puma diba-
wa ke Dayang
Bunting Geo-
forest Park. Di
sini, mereka da-
pat melihat kein-
dahan landskap
batu marmar dan
Tasik Dayang Bunting.
Lokasi ini telah menjadi
tempat singgahan pelancong
melalui aktiviti 'melawat pulau-
pulau.'

Sejak setahun terakhir ini, geotrail
Dayang Bunting telah diurus oleh
LADA Eco, sebuah anak syarikat Lem-
baga Pembangunan Langkawi (LA-
DA) bagi meningkatkan kecekapan-
nya. Saya perhatikan, banyak inisiatif
baharu diperkenalkan untuk pendi-
dikan awam dan keselesaan pengun-
jung. Perkembangan positif begini-
lah yang ingin dilihat oleh penilai.

Selama empat hari menilai per-




*Palomo, Li Puma (kiri) dan
Khalid (dua dari kanan)
di warung Pak Malau.*



*Melawat galeri Pusat Penyelidikan
Langkawi, UKM.*

Palomo dan Li Puma **melawat**
Tasik Dayang Bunting.

BH
13/8/2015
mls 33



Li Puma di hadapan ikon
Langkawi Geopark, **Kilim**
Geoforest Park.

Status Langkawi sebagai Geopark Global penting untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke destinasi

Apa itu geopark?

- 1 Ramai masyarakat Malaysia dan komuniti antarabangsa masih belum mengenali geopark. Geopark adalah inisiatif terbaru UNESCO yang diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan memperkasa konsep 'pembangunan lestari' dalam gagasan pemuliharaan warisan semula jadi.
 - 2 Geopark mempunyai sedikit kesamaan dengan Tapak Warisan Dunia, suatu inisiatif UNESCO yang diperkenalkan pada tahun 1972.
 - 3 Geopark berbeza dengan Tapak Warisan Dunia, ia bukan saja memberi tumpuan kepada keperluan pemuliharaan warisan geologi dan landskap berkepentingan antarabangsa, malah geopark turut memberi perhatian serius mengenai pembangunan sosioekonomi komuniti tempatan yang menjadi khalifah kepada warisan itu.
 - 4 Sesuatu kawasan tidak boleh dikenalkan sebagai geopark sekiranya ia tidak mampu membangun taraf hidup masyarakat setempat.
 - 5 Di samping memperkenalkan komponen pemuliharaan baharu seperti tapak dan monumen geologi, pendekatan pemuliharaan
- lancongan bersifat lestari, iaitu pelancongan yang memberikan perhatian kepada penggunaan sumber tanpa musnah sambil memulihara alam sekitar.
- 9 Warisan geologi dan landskap kini sudah berjaya dibangunkan sebagai sumber pelancongan baharu yang dikenali sebagai geopelancongan. Warisan alam - geologi, biologi, budaya dan tradisi setempat - kini dapat dilihat sebagai sumber penting yang boleh dibangunkan bagi memperkenalkan pendekatan pelancongan yang lebih kreatif dalam konteks 'pelancongan berasaskan ilmu.'



Langkawi dianugerah status **geopark global** pada tahun 2007.



kembangan Langkawi Global Geopark, kedua-dua penilai sempat dibawa berjumpa beberapa rakan kongsi geopark, antaranya Hotel Four Seasons, Kompleks Kraftangan Langkawi, Sekolah Geopark Kedawang, Warung Nasi Dagang Pak Malau dan Laman Padi.

Hotel sedia Pusat Pendidikan Geopark

Pelbagai inisiatif memperkasa aktiviti geopark dapat mereka perhatikan. Di Hotel Four Seasons umpamanya, kemudahan Pusat Pendidikan Geopark telah menarik ramai pelanggannya berkunjung dan mempelajari keunikan alam Langkawi.

Di Sekolah Geopark Kedawang, mereka didedahkan kepada pelbagai aktiviti kokurikulum yang menyokong gagasan geopark. Antaranya program seni berasaskan konsep kitar semula, mengenali warisan tempatan dan kepemimpinan geopark. Di Warung Nasi Dagang Pak Malau, penilai pula disajikan dengan makanan asli dan budaya Melayu iaitu komuniti peribumi di Langkawi Geopark.

Sementara di Laman Padi, mereka melawat Muzium Padi bagi menghayati tradisi bersawah komuniti tempatan sejak turun temurun untuk menyediakan bekalan makanan asas.

keuntungan pelesenan ke UNESCO sebagai unik, diiktiraf oleh UNESCO sebagai jenama berkualiti dunia. Lebih penting lagi, seluruh warga Langkawi perlu bekerjasama dan beriltizam untuk menjadikan Langkawi contoh 'pembangunan dan pemuliharaan' boleh diintegrasikan bagi mencapai pembangunan lestari. Kini seluruh masyarakat Malaysia mulai mengenali wawasan geopark dan berbangga dengan pencapaian Langkawi Geopark.

Penilaian empat tahun sekali

Penilaian berkala empat tahun sekali oleh pakar antarabangsa adalah cara terbaik untuk memastikan pembangunan dan hala tuju berada pada landasan yang tepat. Ia memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan membuat persediaan bertepatan untuk meningkatkan kualiti pembangunan dan produk pelancongan. Ia juga dapat merapatkan hubungan dan meningkatkan kepercayaan semua pihak ke arah mencapai suatu hasrat murni.

Kita dapat menyaksikan usaha menjayakan wawasan Langkawi Geopark tidak mampu dilaksanakan satu pihak sahaja. Walaupun LADA di bawah kepimpinan Tan Sri Khalid Ramli telah berusaha gigih untuk mengekalkan status Global Geopark, pelbagai rakan kongsi perlu memainkan peranan penting menyokongnya.

Langkawi Geopark bertuah kerana mempunyai ramai rakan kongsi, terutama Pusat Penyelidikan Langkawi UKM, koperasi komuniti tempatan, jaringan perhotelan Langkawi, pentadbiran sekolah dan Rakan Langkawi Geopark (FLAG) telah bersama-sama menjayakan agenda ini.



Penulis

ialah Naib Presiden, Jaringan Geopark Global (GGN) dan Felo Penyelidik Utama, LESTARI-UKM.

pendekatan pemuliharaan sedia ada seperti taman negeri dan negara, hutan simpan dan rekreasi dan tapak sejarah serta arkeologi adalah bahagian yang terintegrasikan dalam konsep geopark ini.

6

Konsep geopark memberikan perhatian khusus terhadap pembabit dan peluang komuniti setempat mengambil peluang daripada pembangunan geopark. Berbeza dengan kebanyakan kawasan pemuliharaan sedia ada, suatu geopark turut membabitkan kawasan penempatan, pertanian dan industri yang mana aktiviti komuniti setempat berinteraksi dengan kawasan pemuliharaan adalah sebahagian daripada geopark.

7

Dalam keadaan begini, komuniti berada dalam geopark dan mempunyai peluang untuk menjalankan pelbagai aktiviti sosioekonomi yang berkaitan dengan pembangunan geopark. Lebih penting lagi, komuniti setempat boleh diberikan tanggungjawab dan terbabit secara aktif dalam pemuliharaan warisan semula jadi dan budaya.

8

Aktiviti geopark memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan sumber pelancongan di sesuatu kawasan yang masih kurang dibangunkan. Sumber warisan alam semula jadi dan budaya boleh dijadikan asas untuk mengembangkan aktiviti pe-